

## **MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – Bisnes - 29 Julai, 2013 (A)

# **ICGN pegang dana RM51.33 trillion**

» *Sidang bentang dua kertas posisi beri panduan laksana polisi dengan efektif*



RITA BENOY  
BUSHON

**S**aya ingin membuat sedikit ke nyataan susulan laporan berita Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) mengenai persidangan ICGN yang diadakan baru-baru ini.

Untuk makluman, ICGN adalah rangkaian pelabur memegang jumlah dana melebihi AS\$16 trillion (RM51.33 trillion) yang berperanan membincangkan isu berkaitan tadbir urus korporat.

Dalam persidangan itu, dua kertas posisi pembentangan penting, dengan saya selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pemegang Saham yang bertanggungjawab bagi kertas berkenaan, dikemukakan kepada ICGN. Antara kandungannya ialah:

Tanggungjawab pelabur institusi dengan amalan terbaik dan peranan pelabur institusi dinyatakan dengan

jelas dari segi tadbir urus dalaman serta tanggungjawab luaran sebagai pelabur.

Piawaian dengan aspirasi tinggi itu bertujuan menggalakkan pelabur institusi melaksanakan secara efektif tanggungjawab terhadap penerima dan pelanggan mereka bagi pertumbuhan mapan dalam syarikat pelaburan dan bagi pasaran modal keseluruhannya.

### **Posisi kepelbagai jantina**

Posisi mengenai kepelbagai jantina dalam lembaga pengarah memfokuskan kepada tanggungjawab pemegang saham dan syarikat dalam mempromosikan kepelbagai jantina dalam lembaga pengarah kerana ia adalah aspek penting dalam tadbir urus korporat yang boleh mempengaruhi keberkesanannya dan seterusnya kemampuan syarikat.

Kertas posisi itu memberikan panduan bagaimana polisi mengenainya boleh dilaksanakan secara efektif.

Untuk maklumat lanjut, pembaca boleh melayari laman web ICGN di <https://www.icgn.org/>

Saya ingin menyentuh Rang Undang-Undang Syarikat dan Rang Undang-Undang Skim Kepentingan.

Sebelum ini, kami menyatakan tempoh rundingan yang diberikan tidak mencukupi memandangkan dokumen terbabit tebal dan memerlukan pemeriksaan rapi oleh kumpulan berkepentingan dan pemegang kepentingan lain bagi memastikan sebarang pindaan kepada bahagian penting dirangkumkan.

Rujuk artikel saya diMSWG [http://www.mswg.org.my/web/download.php?f1=news&f2=1000598&f3=docs\\_pub&f4=987659350](http://www.mswg.org.my/web/download.php?f1=news&f2=1000598&f3=docs_pub&f4=987659350)

Bagaimanapun, kami kini dalam

“

***Kami berharap untuk melihat beberapa klausa pembolehan yang dirangkumkan, antaranya pengundian secara elektronik, pengundian secara membuang undi dan pengundian secara mengangkat tangan dan juga isu berkaitan proksi”***

proses mengumpulkan komen mengenai dokumen berkenaan.

Kami berharap melihat beberapa klausa pembolehan yang dirangkumkan, antaranya pengundian secara elektronik, pengundian secara membuang undi dan pengundian secara mengangkat tangan dan juga isu berkaitan proksi. Slot minoriti adalah perkara penting untuk diambil kira.

### **‘Polisi tiada hadiah’**

Dalam hal berasingan, kami gembira melihat lebih banyak syarikat sudah menyatakan dengan jelas kepada pihak awam mengenai ‘polisi tiada hadiah’ mereka dan kami percaya ini adalah satu langkah positif.

Kami berharap lebih banyak syarikat terutama syarikat senaraian awam bersikap telus mengenai polisi itu sejarah dengan polisi antirasuah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ia adalah aspek tadbir urus korporat penting dan syarikat seharusnya berkomunikasi dengan semua pemegang kepentingan untuk mengurus jangkaan mereka.



**Penulis**  
ialah Ketua Eksekutif MSWG